

NOTIS SEBUTHARGA

SEBUTHARGA NO.: LLM/UB/SULIT/SH:1/1/2/26

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) layak untuk mengambil bahagian bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

TAJUK	GRED, KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN	TEMPOH JUALAN DAN PENGAMBILAN DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
CADANGAN KERJA-KERJA PEMASANGAN PAPAN TANDA BAGI TUJUAN PELAKSANAAN UJIAN KEBERKESANAN (<i>PROOF OF CONCEPT</i>) HAD LAJU NASIHAT MENGIKUT LORONG DI LEBUH RAYA	CIDB Gred G3 Kategori CE Pengkhususan CE21 dan CE43	<u>Tempoh Jualan:</u> 11 Februari 2026 hingga 25 Februari 2026 <u>Pengambilan Dokumen Yang Telah Dibeli:</u> Isnin hingga Khamis: 8.30 pagi hingga 1.00 ptg 2.00 ptg hingga 4.30 ptg Jumaat: 8.30 pagi hingga 12.15 tgh 2.45 ptg hingga 4.30 ptg	5 Mac 2026 Jam 12.00 tgh <u>Tempat:</u> Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, Kajang, Selangor.

2. Kontraktor yang berminat hendaklah berdaftar dalam gred dan pengkhususan yang dinyatakan di atas. **Satu taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 11 Februari 2026 jam 10.00 pagi di Auditorium, Blok B, Ibu Pejabat, LLM, Kajang, Selangor.** Nombor telefon untuk dihubungi: 03-8738 3033/3106. Kehadiran pada sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan.
3. **Hanya penama** di dalam **Sijil Perakuan Pendaftaran, CIDB** sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Wakil selain daripada penama adalah tidak dibenarkan. Kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **sijil asal Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** yang masih berkuatkuasa dan satu salinan bagi sijil-sijil tersebut berserta kad pengenalan semasa menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.
4. Harga dokumen adalah sebanyak **RM50.00** setiap naskah dan tidak dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **Ketua Pengarah LLM dengan menggunakan 'LLM Payment Gateway Service'** di laman web rasmi LLM iaitu melalui pautan pembelian online yang dipaparkan dalam iklan ini. **Hanya kontraktor yang LAYAK SAHAJA (yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak) akan menerima Payment Code** untuk pembelian online. Sebarang pertanyaan mengenai pembelian boleh menghubungi talian **03-8738 3033/3106 (Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak)**.
5. Sila **cetak resit bayaran sebagai bukti apabila mengambil dokumen di kaunter Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, Kajang, Selangor.** Nombor telefon untuk dihubungi: 03-8738 3033/3106. **Dokumen Tawaran** akan dikeluarkan kepada wakil syarikat yang telah diberi kuasa dengan sepenuhnya sahaja. Untuk maksud ini, wakil syarikat dikehendaki membawa bersama-sama Surat Perwakilan Kuasa dan mengemukakan **salinan asal Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB** yang masih berkuatkuasa serta bukti pembayaran pembelian dokumen semasa mengambil Dokumen Tawaran.
6. Dokumen Sebutharga yang telah siap diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat **Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, Kajang, Selangor sebelum atau pada 5 Mac 2026 jam 12.00 tengahari.** Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
7. Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau sebutharga berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya, adalah menjadi tanggungan kontraktor sepenuhnya. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak kontraktor.

(Sr DR AZMI BIN MOHAMED@MOHD ADNAN)

Pengarah Ukur Bahan Dan Kontrak

b.p Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia

4/2/2026